

Headline	Terokai segmen sosial ekonomi Islam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZRUL HAKIMIE ANUER	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,879



# Terokai segmen sosial ekonomi Islam

Oleh **AZRUL HAKIMIE ANUER**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ **KUALA LUMPUR 24 OGOS**

**M**ALAYSIA perlu meneroka potensi segmen sosial di dalam sistem ekonomi Islam dalam memperkasakan umat Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, negara merupakan peneraju kepada segmen komersial ekonomi Islam yang bersifat menjana keuntungan dengan memperkenalkan perkhidmatan Lembaga Tabung Haji, Bank Islam dan skim Takaful.

Katanya, kejayaan menguasai segmen sosial secara holistik dan komprehensif akan menjadikan Malaysia sebagai pelopor utama ekonomi Islam.

"Malaysia menggunakan kerangka kewangan Islam bermula dari tahun 1960-an lagi dan sejak itu, kita menjadi panduan kepada negara-negara dunia yang berminat untuk menceburi bidang berkenaan.

"Kini, sudah tiba masanya kita meneroka satu lagi segmen yang tidak kurang besar manfaatnya

ialtu sosial ekonomi Islam. Segmen yang saya maksudkan adalah wakaf, zakat, sedekah, skim pinjaman dan dana orang awam yang jika dimanfaatkan secara betul mampu memperkasakan umat Islam dari segi ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menutup Persidangan Kebangsaan Ekonomi dan Kewangan Islam Ke-3, di sini hari ini.

Yang turut hadir bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam Malaysia, Prof. Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil.

Dalam perkembangan lain, Asyraf Wajdi menggesa rakyat terlibat secara langsung dalam penjaanaan ekonomi dengan memanfaatkan kemudahan media sosial dalam berhadapan dengan

ketidaktentuan ekonomi dunia.

"Setiap individu di dalam negara ini boleh terlibat secara langsung dalam penjaanaan ekonomi, contoh dalam konteks hari ini dengan memanfaatkan segmen digital ekonomi kerana semua orang ada telefon bimbit dan aktif dalam media sosial," ujarnya.



**Malaysia menggunakan kerangka kewangan Islam bermula dari tahun 1960-an lagi dan sejak itu, kita menjadi panduan kepada negara-negara dunia yang berminat untuk menceburi bidang berkenaan."**

**ASYRAF WAJDI DUSUKI**  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



ABDULLAH AHMAD BADAWI menyerahkan cenderamata kepada Asyraf Wajdi Dusuki selepas menutup Persidangan Kebangsaan Ekonomi dan Kewangan Islam Ke-3 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO